



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**1 JULAI 2021  
20 ZULKAEDAH 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	
Berita Harian	
Harian Metro	• 30 tapah terselamat daripada dimasak
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			1/7/2021
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		22	
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

# 30 tapah terselamat daripada dimasak

*Ikan bernilai tinggi dipindah dari kolam ternakan untuk pemuliharaan*

Oleh Mohd Khidir Zakaria  
am@hmetro.com.my

Port Dickson

Jabatan Perikanan Negeri Sembilan ‘menyelamatkan’ kira-kira 30 ekor ikan tapah daripada menjadi hidangan di restoran dengan dilepaskan ke sebuah tasik empangan yang terkawal sepenuhnya.

Ikan bernilai tinggi seberat antara 1.5 hingga tiga kilogram itu dipindahkan



HALIMI (kanan) menunjukkan anak ikan tapah yang dilepaskan untuk tujuan pembiakan di sungai di Negeri Sembilan.

dari kolam ternakan ke perairan terkawal bagi tujuan pemuliharaan.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, spesies itu asalnya ditangkap dari sungai di Pahang dan dibeli penternak di Kuala Pilah bagi tujuan hidangan restoran.

“Dengan usaha ini, Jabatan Perikanan berharap spesies ikan tapah terus dapat hidup, membesar dan berkembang biak tanpa gangguan di tasik yang dikenal pasti sesuai

untuk kehidupannya,” katanya semalam.

Menurutnya, ini adalah usaha pertama kali pihaknya membuat pelepasan ikan tapah untuk pemuliharaan dan pemerkayaan sumber perikanan asli.

“Di Negeri Sembilan, ikan tapah secara semula jadi ada di Sungai Muar di kawasan Gemas, tetapi sayangnya spesies ikan gergasi ini sudah lama tidak dijumpai lagi menurut nelayan sungai di sana,” katanya.

Halimi berkata, penyebab kerosotan ikan itu boleh dikatakan berpunca daripada pencemaran sungai, pembukaan hutan untuk perladangan dan pembangunan, serta tangkap yang tidak terkawal.

“Ke-

betulan pula kami mengetahui ada seorang penternak membela sebilangan ikan tapah diperolehnya dari Pahang untuk jualan ke restoran. Tetapi akibat Covid-19 menyebabkan dia mengalami kesulitan memasarkan ikan itu merandangkan restoran ditutup.

“Menyedari juga ikan tapah di ambang kepupusan, kami mengambil inisiatif membelinya daripada penternak itu dengan harga RM50 sekilogram. Di samping dapat membantu penternak, dalam masa sama kami menyelamatkan ikan itu untuk dilepas bebas di perairan sesuai dan selamat.

“Lokasi pelepasan dirahsiakan untuk melindungi spesies ini, apakah lagi tasik empangan itu adalah kawasan larangan yang dikawal selia ketat oleh Badan Kawal Selia Air (BKSA) dan Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains),” katanya.



IKAN tapah gergasi ditangkap Halimi kerana meninggal di sungai Muar. Saran ekspert ketika itu ialah seburung hamupi 30 kilogram.